



فَجَابَتْ سَيِّدَاتُكُمْ وَأَجَانُ فَيَرَقَ قَارِ الرِّضْوَانِ

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI,
PERAK DARUL RIDZUAN,
ARAS 1, BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGlima BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH.



Telefon : 05-2095000
Faks : 05-2545323
Portal : www.perak.gov.my

SUK.PK(BK) 600-5/1/1(33) JLD
2 Rabiulakhir 1447
Oktober 2025

**SEMUA KETUA JABATAN NEGERI / PERSEKUTUAN
SEMUA PEGAWAI DAERAH, PEJABAT DAERAH & TANAH
SEMUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN
SEMUA BADAN BERKANUN NEGERI**

YB Dato' / YABhg. Tan Sri / YABhg Dato' Seri / YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

**KIBARAN BENDERA NEGERI PERAK DAN PAPARAN HEBAHAN SEMPENA ULANG
TAHUN HARI KEPUTERAAN DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah akan disambut pada **Hari Jumaat, 7 November 2025**.

3. Sehubungan itu, dimohon setiap Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengibarkan Bendera Negeri Perak di premis / bangunan kerajaan dan di jalan-jalan utama di daerah-daerah seluruh Negeri Perak sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan **secara serta merta sehingga 1 Disember 2025**. YB Dato' / YABhg. Tan Sri / YABhg Dato' Seri / YBhg. Dato' / Tuan / Puan hendaklah memastikan bendera-bendera yang telah dinaikkan perlulah **sentiasa dipelihara dan diberikan penghormatan sewajarnya serta tidak dibiarkan lusuh dan tidak terjaga sepanjang tempoh tersebut**.

4. Dimohon juga pentadbiran YB Dato' / YBhg. Tan Sri / YBhg Dato' / Tuan / Puan untuk memaparkan hebahan Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan sama ada dalam bentuk banner, backdrop atau bunting di billboard / skrin LED / portal rasmi / media sosial yang diselia oleh pentadbiran YB Dato' / YABhg. Tan Sri / YABhg Dato' Seri / YBhg. Dato' / Tuan / Puan.



CERTIFIED TO MS ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO : ISMS 00348

5. Bersama-sama ini disertakan lampiran pautan softcopy untuk tindakan dan perhatian pihak YB Dato' / YABhg. Tan Sri / YABhg Dato' Seri / YBhg. Dato' / Tuan / Puan. Dimaklumkan juga, segala perbelanjaan yang terlibat adalah menggunakan peruntukan jabatan masing-masing. Untuk sebarang pertanyaan, YB Dato' / YABhg. Tan Sri / YABhg Dato' Seri / YBhg. Dato' / Tuan / Puan boleh menghubungi **Encik Roslan bin Jamaluddin di talian 05-2095198** atau **Encik Firdaus Ehsan bin Omar di talian 05-2095496**.

6. Di samping itu, YB Dato' / YABhg. Tan Sri / YABhg Dato' Seri / YBhg. Dato' / Tuan / Puan adalah digalakkan untuk mempelawa mana-mana pemilik premis perniagaan dan bangunan persendirian di bawah seliaan jabatan untuk bersama-sama mengibarkan bendera dan menaikkan paparan hebahan. Namun begitu, ia hendaklah dilakukan **secara berhemah** dan **tidak mengenakan sebarang denda atau kompaun** sekiranya pemilik premis tidak berbuat demikian.


7. Usaha-usaha menyemaikan semangat taat setia kepada DYMM Paduka Seri Sultan Perak dalam kalangan rakyat hendaklah dilakukan secara arif dan berdiplomasi agar semangat kesetiaan yang sah tumbuh subur dalam jiwa rakyat jelata. Segala kerjasama YB Dato' / YABhg. Tan Sri / YABhg Dato' Seri / YBhg. Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan jutaan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Perak Darul Ridzuan

s.k.:

1. YB Pegawai Kewangan Negeri Perak
2. Ketua Protokol & Istiadat Negeri Perak

"PERAK SEJAHTERA 2030"

**PAUTAN MUAT TURUN BANNER & BILLBOARD SEMPENA
ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2025**

BIL	PERKARA	PAUTAN
1.	Billboard Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Saiz 18x36 *format JPG dan PSD	https://tinyurl.com/HKSP2025  <i>Imbas Kod QR untuk pautan muat turun</i>
2.	Billboard Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Saiz 1400 x 400 *format JPG dan PSD	
3.	Bunting Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Saiz 2.5 kaki x 6 kaki *format JPG dan PSD	
4.	Media Sosial Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Saiz 18x18 *format JPG dan PSD	
5.	Keratan Akhbar Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan *format JPG dan PSD	

*****Hanya dibenarkan untuk mengubah saiz mengikut kesesuaian percetakan. Pengubahsuaian susunan teks dan design paparan adalah TIDAK DIBENARKAN.***

*****Pengubahsuaian teks yang dibenarkan hanyalah SELEPAS 'MERAFAK SEMBAH SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DARIPADA' mengikut kesesuaian jabatan / agensi YB Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan.***

BILLBOARD 18 X 36





Dirgahayu Tuanku

SEMOGA DIRAHMATI DAN DIBERKATI ALLAH

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
Ibni
Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah

Sultan, Yang Di-Pertuan dan Raja Pemerintah
Negeri Perak Darul Ridzuan

SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN TAHUN 2025

MERAFAK SEMBAH SETINGGI-TINGGI TAHNIAH
DARIPADA



Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan



BILLBOARD 1400PX X 400PX


Dirgahayu Tuanku
SEMAGA DIRAHMATI DAN DIBERKATI ALLAH
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
Ibni
Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah
Sultan, Yang Di-Pertuan dan Raja Pemerintah
Negeri Perak Darul Ridzuan
SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN TAHUN 2025
MERAFAK SEMBAH SETINGGI-TINGGI TAHNIAH
DARIPADA

Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan



BUNTING 3'X6'



KERATAN AKHBAR



Dirgahayu Tuanku

SEMOGA DIRAHMATI DAN DIBERKATI ALLAH

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
Ibni

Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah

Sultan, Yang Di-Pertuan dan Raja Pemerintah
Negeri Perak Darul Ridzuan

SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN TAHUN 2025

MERAFAK SEMBAH SETINGGI-TINGGI TAHNIAH
DARIPADA



Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

MEDIA SOSIAL 18X8



Dirgahayu Tuanku

SEMOGA DIRAHMATI DAN DIBERKATI ALLAH

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
Ibni

Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah

Sultan, Yang Di-Pertuan dan Raja Pemerintah
Negeri Perak Darul Ridzuan

SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN TAHUN 2025

MERAFAK SEMBAH SETINGGI-TINGGI TAHNIAH
DARIPADA



Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan